Sesi persekolahan baharu di Tebing Barat bermula

September 9, 2024 @ 6:04pm



Kanak-kanak Palestin mengangkat plakad semasa protes menyeru agar konflik Gaza diakhiri dan kembali ke sekolah menjelang tahun akademik baharu, bersebelahan bangunan sekolah yang rosak di Khan Yunis di selatan Semenanjung Gaza pada 28 Ogos. - FOTO AFP

BAITULMUQADDIS: Pelajar Palestin di Tebing Barat yang diduduki memulakan sesi persekolahan baharu hari ini.

Bagaimanapun, situasi berbeza dialami rakan sebaya mereka di Semenanjung Gaza yang berdepan tahun kedua berturut-turut tanpa bersekolah akibat serangan berterusan tentera Israel, lapor Agensi Anadolu.

Kementerian Pendidikan Palestin dalam satu kenyataan berkata sebanyak 2,459 sekolah kerajaan, swasta dan yang dikendalikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengalu-alukan lebih 806,360 pelajar di Tebing Barat dan Baitulmuqaddis Timur.

Menurut kementerian itu, sesi persekolahan di Gaza bagaimanapun masih digantung disebabkan serangan berterusan Israel yang bermula pada 7 Oktober 2023.

Kementerian itu berkata lebih 10,000 pelajar di Gaza terbunuh dan 15,000 lagi cedera akibat serangan Israel, manakala 19,000 pelajar melarikan diri dari kawasan kediaman mereka.

Menurut kementerian, sekurang-kurangnya 400 guru turut terkorban di Gaza, dan 90 peratus bangunan sekolah rosak. Selain itu, seramai 39,000 pelajar Gaza tidak dapat

menduduki peperiksaan sekolah menengah, dan 58,000 kanak-kanak dinafikan peluang untuk memulakan darjah satu.

Serangan berterusan Israel ke atas Semenanjung Gaza telah membunuh hampir 41,100 rakyat Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak selain mencederakan hampir 94,800 yang lain.